

U B015 AAB
KEMUNCAK - MAHATHIR R 'R' R'

KUALA LUMPUR, 3 JUN (BERNAMA) -- PERSIDANGAN KEMUNCAK NEGARA-NEGARA G-15 MERUPAKAN LANGKAH YANG PERTAMA DIAMBIL BAGI MENGHADAPI KERJASAMA YANG LEBIH KONKRIT ANTARA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DI SELATAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

SAMBIL MENYIFATKAN PERSIDANGAN SULUNG TIGA HARI ITU SEBAGAI AMAT BERJAYA, BELIAU BERKATA SIDANG KEMUNCAK ITU BUKAN MERUPAKAN SATU PERKUMPULAN BAGI KETUA-KETUA KERAJAAN MEMBUAT KENYATAAN ATAU MENGUTARAKAN PANDANGAN MEREKA TETAPI SEBAGAI FORUM BAGI Mencari JALAN PENYELESAIAN TERHADAP SESETENGAH MASALAH YANG DIHADAPI OLEH SELATAN DAN BAGAIMANA MEREKA BOLEH MENDAPAT MANFAAT DARIPADA KEKAYAAN MEREKA SENDIRI.

+KITA MENYEDARI BAHAWA KITA BUKAN MEWAKILI SELATAN DALAM ERTI KATA SEBENARNYA TETAPI KITA BOLEH MENYUMBANG KE ARAH MENYELESAIKAN SESETENGAH DARIPADA MASALAH SELATAN MELALUI PENINGKATAN KERJASAMA SESAMA NEGARA-NEGARA DI SELATAN,+ KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR BERSAMA DI PARLIMEN PADA AKHIR SIDANG KEMUNCAK ITU.

WALAU PUN PEMIMPIN-PEMIMPIN NEGARA ANGGOTA G-15 TURUT HADIR PADA PERSIDANGAN AKHBAR ITU, HAMPIR KESEMUA SOALAN DIAJUKAN KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG MEMPENGERUSIKAN SIDANG KEMUNCAK TERSEBUT.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SIDANG KEMUNCAK ITU MENANDAKAN BUAT PERTAMA KALINYA BAHAWA SEKUMPULAN NEGARA YANG KECIL, YANG MEWAKILI KIRA-KIRA SATU PERTIGA DARIPADA EMPAT BILION PENDUDUK DI SELATAN, TELAH BERKUMPUL, BUKAN UNTUK MEMBUAT KENYATAAN KENEGARAAN SEPERTI YANG BERLAKU PADA PERJUMPAAN KUMPULAN-KUMPULAN BESAR. -- LAGI.

2205MST 03 06 90

U B019 AAB
KEMUNCAK - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R 'R' R'

BELIAU BERKATA KENYATAAN KENEGARAAN SEUMPAMA ITU LAZIMNYA TIDAK DISUSULI DENGAN TINDAKAN TIGA ATAU EMPAT TAHUN KEMUDIANNYA APABILA PERKUMPULAN BESAR ITU BERJUMPA SEMULA. SEBALIKNYA, NEGARA-NEGARA G-15 AMAT PASTI DENGAN ARAH TUJUANNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERSETUJUAN YANG DICAPAI PADA SIDANG KEMUNCAK ITU, TERUTAMANYA PENDEKATAN YANG SAMA BAGI MENYELESAIKAN MASALAH HUTANG LUAR DAN PELAKSANAAN BEBERAPA PROJEK BAGI MEMBERI FAEDAH KEPADA SEMUA NEGARA ANGGOTA, MENUNJUKKAN KEMAJUAN.

SIDANG KEMUNCAK ITU JUGA BERSETUJU BAHAWA G-15 HARUS TERUS BERFUNGSI DAN MENGADAKAN SIDANG KEMUNCAK PADA SETIAP TAHUN.

+MASA DEPAN BAGI G-15 ADALAH BAIK,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI PERU, GUILLERMO LARCO-COX MEMBERITAHU PERSIDANGAN AKHBAR ITU BAHAWA SIDANG KEMUNCAK TERSEBUT MENANDAKAN SATU TITIK TOLAK TERHADAP PENDEKATAN YANG DIAMBIL OLEH NEGARA-NEGARA SELATAN BAGI MENYELESAIKAN MASALAH YANG MEREKA HADAPI. -- BERNAMA.
2215MST 03 06 90